

# Lelaki disabit mencuri arak dipenjara dua bulan

**SIBU:** Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara dua bulan terhadap seorang lelaki berusia 45 tahun kerana mencuri sebotol minuman beralkohol bulan lalu.

Sami Usop dari Nanga Dap, Kanowit mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah Seksyen 380 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan juga boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan.

Dia didapati mencuri sebotol ‘langkau’ 1.5 liter pada 20 April lalu kira-kira jam 3.50 petang di sebuah pasar raya di Permai Jaya

di sini.

Menurut fakta kes, tertuduh dikesan melalui rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang menunjukkan dia mengambil sesuatu dari rak minuman keras di dalam pasar raya tersebut.

Sami kembali ke premis berkenaan keesokan harinya namun telah ditangkap oleh pengurus pasar raya apabila cuba mencuri sebotol lagi ‘langkau’.

Pengurus pasar raya tersebut menghubungi pihak polis dan Sami telah ditahan.

Tertuduh mengaku kepada pihak polis semasa siasatan bahawa dia mengambil sebotol ‘langkau’ 1.5 liter

dari pasar raya tersebut.

Rakaman CCTV menunjukkan dia meletakkan barang tersebut ke dalam begnya dan keluar dari premis tanpa membuat sebarang pembayaran.

Majistret Oon Kork Chern mendengar kes tersebut manakala pendakwaan dikendalikan ASP Siti Mariyah Dahari.

Dalam kes berasingan di Mahkamah Majistret, Sami juga dijatuhi hukuman penjara satu bulan selepas mengaku bersalah gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri semasa pemeriksaan polis.

Pertuduhan tersebut dibuat di bawah Peraturan

25(1)(n) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 yang memperuntukkan hukuman penjara hingga tiga tahun atau denda sehingga RM20,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Menurut fakta kes, Sami gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri ketika diperiksa oleh pihak polis pada 21 April kira-kira jam 9.33 pagi di sebuah pasar raya di Permai Jaya di sini.

Sami tidak diwakili peguam dalam kedua-dua kes.

Mahkamah memerintahkan kedua-dua hukuman penjara ke atasnya bermula dari tarikh tangkapan.